
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

YSW 501 – Komunikasi Antarabangsa

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana **DUA [2]** soalan. Jika calon menjawab lebih daripada dua soalan hanya dua soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Punca utama kemunduran ialah sikap ahli masyarakat dan sistem kepercayaan dan kepimpinan masyarakat tersebut. Bincangkan dengan mengaitkan dakwaan ini dengan peranan yang dianggapkan perlu dimainkan oleh sistem-sistem komunikasi.
2. Berasaskan liputan media antarabangsa tentang perang Iraq [2003], bincangkan dakwaan bahawa sistem penaklukan media masih kekal di peringkat antarabangsa.
3. Dengan meneliti sistem dan industri media di Malaysia dewasa ini, bincangkan pendapat bahawa imperialisme budaya dan media perlu difahami dalam konteks sistem ekonomi-politik dalaman dan kaitannya dengan logik pasaran.
4. Era dewasa ini – yang kerap kali dimajukan sebagai era ‘globalisasi’ – tidak banyak bezanya dengan era imperialisme, memandangkan tiada perubahan nyata dalam sistem kuasa dunia. Bincangkan dakwaan ini dengan meneliti tindakan media [dalam negara dan antarabangsa] dalam proses menangani beberapa masalah dan peristiwa dewasa ini.